

11/10/1999

Rakyat tertipu sandiwara Pas

Ahmad Zabidy Ab Hadi

HAMPIR 10 tahun parti Pas memerintah Kelantan. Bagi saya sebagai rakyat Kelantan, tiada sesuatu pun kewajipan yang sewajarnya yang dijalankan oleh parti yang mengaku Islam itu.

Sebenarnya rakyat Kelantan tertipu oleh sandiwara politik Pas ketika pilihan raya lalu. Memang benar perkataan 'Islam' adalah taktik paling berkesan untuk menarik hati rakyat. Bukan itu saja, penampilan cara berpakaian, kerap menggunakan ayat dan hadis serta gemar mempersembahkan ritual agama Islam secara berterusan sebagai cara dan label Pas.

Pas sebagai parti pembangkang Melayu di Malaysia nampaknya tetap dengan sikapnya iaitu cita-citanya ingin benar memerintah Malaysia. Itulah harapan besarnya.

Inilah matlamat parti itu sejak awal penubuhannya. Oleh itu, segala tindakannya kerap tidak mengikut prinsipnya dengan amalan sistem demokrasi, moral etika dan hukum agama.

Ketiga-tiga asas ini dibuang oleh Pas apabila terlalu taksub, gopoh-gapah dan angkuh dalam menilai kedudukannya, sebagai parti politik yang sepatutnya berperanan sebagai pengkritik secara rasional.

Parti Pas sering mengajar rakyat menentang dan membenci ahli dan penyokong Umno, Barisan Nasional (BN) dan sekali gus menghentam kerajaan dan jenteranya.

Pemimpin PAS hanya pandai bercakap mengikut hawa nafsu, dendam dan seribu macam cemuhan terhadap kerajaan dan BN.

Politik dalam Pas dan pengertiannya mengenai hak bersuara adalah semata-mata menghentam, mencaci, mencemuh, bersyarah, berceramah, bercakap tanpa moral dan etika, berkhotbah siang malam dan pelbagai lagi termasuklah menghina bangsanya sendiri, yang semakin terbukti berupaya membawa negara ke alaf akan datang.

Akhir-akhir ini ada beberapa 'ulama' jumud seperti Datuk Dr Harun Din, Datuk Dr Hasan Ali, Dr Badrulamin, Tuan Ibrahim Tuan Man, Ismail Kamus dan sebilangan lagi termasuk seorang sasterawan Dr Shahnon Ahmad mudah menerima dan bersetuju dengan tafsiran Pas.

Mereka semua ini adalah daripada kelompok orang Islam yang jumud tetapi mengagungkan material wang dan kedudukan murahan. Pengetahuan agama Islam dan politik pada mereka adalah lebih cenderung kepada tafsiran kolonialis, imperial Barat, sosialis dan tradisionalis agama.

Tafsiran agama Pas dan bijak pandai yang bersetuju dengan parti jumud ini hanya tergolong di bawah teori politik dan sosial yang bankrap.

Teori liberal Barat dan kapitalisnya, teori sosialis dengan komunisnya dan fahaman agama kaum ortodoks Islam pada zaman kejatuhannya. Parti Pas menganut pemikiran yang lari daripada kebenaran dan menentang arus kehidupan realiti.

Cara politik Pas memang kotor dan tentunya tidak bertanggungjawab. Mereka mempermainkan corak sistem demokratik. Baginya parti Pas menang disebabkan pilihan ramai rakyat jelata.

Siapa yang ramai dipilih, ia akan menang dan sebaliknya. Jadi bagaimana cara untuk menang ialah mempergunakan taktik dan sifat demokrasi dengan sewenangnyanya.

Mereka lupa bahawa matlamat demokrasi ialah untuk mendapat mandat dan berusaha membantu kehidupan rakyat dengan sebaik mungkin.

Apa itu tugas sebagai pemimpin? Pemimpin adalah manusia dan bekerja dalam satu kerjasama (musyawarah). Mereka mampu berbincang, berfikir,

merancang dan melaksanakan tugas yang diamanah oleh rakyat. Dan tugas itu ialah menyempurnakan segala aspek kehidupan dengan cara paling baik, cara yang paling bagus tidaklah statik dan tidak datang dengan mudah. Ia perlu digandakan dan digubah setiap masa.

Aspek kehidupan rakyat ialah cara manusia berkembang, bergerak maju dan meningkatkan taraf hidup setinggi-tingginya. Jadi perkara asas seperti tanah, air, kediaman, makanan, pekerjaan, infrastruktur, keselamatan, kesihatan, pendidikan, hiburan, beriadah, kesenian dan pelbagai lagi. Keperluan ini akan bertambah apabila kita akan memasuki alaf baru yang sangat mencabar tidak lama lagi.

Semua parti politik dan pemimpinnya mesti bergerak dalam konteks keperluan manusia. Semua aspek itu bolehlah kita nampak dan wujud dalam kehidupan hari ini di Malaysia. Parti yang menyedari hak dan hal ini ialah Barisan Nasional (BN) yang ditunjangi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kita semua maklum bahawa parti pembangkang seperti Pas, DAP, Keadilan dan PRM tidak mampu melakukan tugas besar itu lebih-lebih lagi Pas yang hampir dua penggal memerintah Kelantan jauh sekali dengan objektifnya sebagai pemimpin Islam yang benar. Pas langsung tidak mengerti makna kehidupan sebenarnya.

Pas penuh dengan pemimpin antirasional, antisains teknologi, antikemajuan, antikebenaran, antipatriotik, anti-Quran dan bolehlah dikategorikan sebagai antimanusia. Mereka prosyaitan dan akan hanya bertindak di luar batasan. Mereka tidak percaya kepada kejadian Tuhan.

Pas tidak mengiktiraf bahawa manusia memerlukan segala material yang sah yang sejajar dengan jasadnya dan manusia juga inginkan roh, iaitu untuk mengembangkan akal luhur fikiran, berlaku adil, menjaga keharmonian, kesejahteraan, mengekalkan kebenaran sebagai benteng kejahatan, berseru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Parti Pas tidak mengiktiraf hak manusia sejagat. Mereka menafikan kejadian Tuhan yang azali.

Sebelum ini parti Pas khasnya Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sendiri mengatakan bahawa beliau dan Pas bukanlah dipilih oleh rakyat untuk menjalankan kemajuan fizikal.

Masalah air, masalah ekonomi, masalah infrastruktur dan masalah pembangunan tidaklah penting baginya. Hanya yang penting baginya ialah 'Islam'.

Tidakkah ini menunjukkan bahawa beliau memang tidak faham makna Islam sebenarnya? Katanya pula, 'Islam' baginya hanya untuk mati. Hidup kita adalah untuk mati.

Buat apa susah-susah dengan pekerjaan dunia ini baginya. Matlamat kita adalah untuk akhirat, katanya. Tidakkah ini sangat bercanggah dan berlawanan dengan ajaran rasul dalam al-Quran?

Kita sebagai rakyat Kelantan patut menolak Pas dan pemimpin yang berfikiran begini walaupun dalam mana-mana parti pun. Kita sebagai rakyat yang bertanggungjawab mesti mengerti akan tipu-helah politik Pas dengan bersungguh-sungguh.

Sebenarnya Pas langsung tanpa jiwa yang ikhlas, buta kehidupan dan keliru mengenai agama Islam. Rakyat mesti tentang kerja 'kuat' Pas selama ini. Kerja 'kuat' Pas selama 10 tahun ini ialah 'pembohongan, putar-belit, membazir masa, memperbodohkan dan menyusahkan rakyat'.

Kita mesti kuatkan semangat, untuk menentang Pas dalam pilihan raya ini dengan hebatnya. Pastikan Kelantan tidak lagi diperintah oleh penyangkal politik, manusia jumud lagi bernafsu besar, khasnya untuk menyambut abad ke-21 nanti. Bersatu Ke Alaf Baru.